

**HUBUNGAN PENGGUNAAN SALURAN KOMUNIKASI DENGAN KUALITI
HIDUP: KERANGKA KONSEPTUAL
RELATIONS OF COMMUNICATION CHANNEL USAGE WITH QUALITY OF
LIFE: A CONCEPTUAL DESIGN**

Ribka Alan¹, Md Salleh Hj. Hassan², Jusang Bolong², & Mohd Nizam Osman²

¹Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak, Malaysia

²Universiti Putra Malaysia, Malaysia

ribka@upm.edu.my

ABSTRAK

Kemajuan dalam kehidupan masyarakat luar bandar merujuk kepada kualiti hidup yang dinilai berdasarkan kepuasan peribadi mereka yang melibatkan nilai kebahagiaan, material dan perlakuan yang diamalkan. Justeru itu, penekanan adalah untuk menentukan peranan saluran komunikasi kepada perubahan kualiti hidup kepada penduduk luar bandar. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membincangkan secara konseptual mengenai hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Bagi menilai kualiti hidup yang lebih baik dan hubungan dengan peranan saluran komunikasi yang sedia ada akan menggunakan sepuluh komponen kualiti hidup yang telah digariskan dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia 2004. Perbincangan yang didasari oleh sorotan literatur boleh membantu penyelidik yang membuat kajian berkaitan dalam menyesuaikan instrumen kajian terutamanya di kawasan luar bandar. Tambahan pula, penulis turut membincangkan kaedah yang akan digunakan bagi analisis data seperti statistik deskriptif, pekali korelasi separa dan regresi pelbagai. Penetapan kerangka konseptual kajian ini penting dalam mengadaptasi instrumen penilaian kualiti hidup bagi masyarakat di luar bandar pada masa akan datang.

Katakunci: saluran komunikasi, kualiti hidup, peranan komuniti dan masyarakat luar bandar

ABSTRACT

Progress in rural communities' life is refers to the quality of life based on their personal satisfaction involving the happiness values, materials and behaviors have been practices. However, emphasized are on the roles of communication channels to the rural communities' quality of life change. The study was conducted to discuss on the conceptual relationship of communication channels uses with quality of life. The evaluation of better life quality and relationship with the existing communication channels roles will used the ten components of quality of life that have been outlined in Quality of Life Index 2004. Discussions which are based on literature reviews could help researchers who did the related study in familiarized the instruments especially in rural areas. In addition, the authors also discuss the method to be used for data analysis such as descriptive statistics, partial correlation coefficients and multiple

regressions. Conceptual design fixing of this study is important in instrument adaptation of quality of life for rural community in the future.

Key terms: channel communication, quality of life, community roles and rural community

PENGENALAN

Sesebuah kelompok masyarakat baik yang tinggal di luar bandar atau bandar, boleh dikatakan telah maju apabila telah mencapai kualiti hidup yang baik. Kualiti hidup yang dibincangkan merujuk kepada falsafah penting yang meliputi sejahtera kehidupan, kepuasan berasaskan pilihan dan pengalaman individu. Oleh yang demikian, kualiti hidup yang dimaksudkan ialah perkara yang menonjolkan sifat norma, ekonomik dan subjektif yang bersifat psikologi dan perlakuan (Haryati Shafii & Sharifah Meryam, 2010). Penggunaan pelbagai saluran komunikasi terutama di kawasan luar bandar merupakan pelengkap kepada transformasi pembangunan yang dirancangan. Namun demikian, persoalan yang timbul setakat mana keberkesanan penyampaian maklumat melalui saluran komunikasi kepada masyarakat luar bandar mempengaruhi dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

METODOLOGI

Dalam bahagian ini dibincangkan bagaimana analisis kajian akan dilakukan berdasarkan rangka kerja konseptual. Analisis kajian ini tertumpu di kawasan Daerah Belaga, Sarawak. Kawasan Belaga ini merupakan kawasan pinggir bandar yang terletak di bawah pentadbiran Bahagian Kapit. Kajian ini menfokuskan hanya kepada isi rumah etnik Orang Ulu yang tinggal di kawasan Penempatan Semula Asap-Koyan, Belaga, Sarawak. Hal ini kerana, penyelidik ingin melihat perubahan kualiti hidup mereka setelah lebih 15 tahun tinggal di kawasan ini selepas berpindah ekoran pembinaan Empangan Hidri Elektrik Bakun. Hal ini dibuktikan oleh suatu kajian yang dijalankan pada tahun 2008 mendapati masyarakat Orang Ulu merupakan bilangan yang ramai tinggal di kawasan ini iaitu sebanyak 99.9% daripada 2092 unit rumah panjang di kawasan kajiannya (Ribka Alan, 2008).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan penggunaan saluran komunikasi dan kualiti hidup masyarakat Orang Ulu pada masa kini dalam menggunakan asset kehidupan untuk mencapai kualiti hidup yang baik serta mengenalpasti tahap kualiti hidup mereka. Justeru itu, daripada 15 buah rumah panjang yang terdapat di kawasan penempatan ini, penyelidik memilih secara rawak enam buah rumah panjang sebagai kawasan kajian iaitu Uma Badeng, Uma Kulit, Uma Bakah, Uma Kelep, Uma Ukit dan Uma Penan. Saiz sampel yang digunakan ialah sebanyak 356 responden. Saiz sampel ini dianggar berdasarkan formula Israel (2009), yang mana menganggar saiz sampel berdasarkan *precision error* 5.0% dan had keyakinan 95%. Manakala, bagi teknik persampelan, penyelidik menggunakan sistem persampelan rawak. Selain itu, pungutan data adalah berdasarkan kaedah tinjauan iaitu melalui temubual bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik yang telah direkabentuk berdasarkan sorotan literatur. Kombinasi kaedah temu bual bersemuka dan kaedah pemerhatian juga digunakan untuk meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan data.

Kaedah analisis yang akan digunakan ialah statistik deskriptif, analisis korelasi separa dan analisis regresi pelbagai. Penyelidik menggunakan analisis statistik deskriptif untuk menghuraikan pemboleh ubah secara logik dengan menggunakan cara mempiawaikan data (Piaw, 2006). Bagi analisis korelasi separa, penyelidik menggunakan analisis korelasi bagi menganalisis perhubungan antara penggunaan saluran komunikasi dengan kualiti hidup. Hal ini kerana, analisis korelasi ini dapat menentukan hubungan antara pemboleh ubah dan kekuatan korelasi yang diwakili oleh pekali korelasi dalam ujian korelasi (Piaw, 2006). Analisis regresi pelbagai digunakan untuk meramal indikator saluran komunikasi dalam mempengaruhi pemboleh ubah kualiti hidup (Piaw, 2009).

Instrumen Kajian

Bagi latar belakang responden maklumat yang diperlukan meliputi jantina, umur, etnik, agama, nama kampung, umur, tahap pendidikan tertinggi, pengalaman dalam pertanian, jenis tanaman utama yang diusahakan, jenis tanah dan keluasan tanah yang diusahakan untuk setiap jenis tanaman yang diusahakan.

Saluran komunikasi yang terlibat dalam adalah dalam bentuk soalan Skala Likert yang direka untuk mengetahui pola penggunaan saluran komunikasi iaitu komunikasi antara perseorangan (Djojomartono & Pertiwi 1998; Md Salleh et al., 2011; Okwu & Daudu 2011), media cetak (Akpobio et al., 2006; Salawu & Abu Bakar, 2008), media elektronik (Irfan et al., 2006; Md Salleh, 2008; Azimi & Hayrol, 2008; Hayrol et al., 2009) dan media baru (NurAzween & Nidzam, 2008). Dengan data ini, penyelidik dapat mengenal pasti fungsi bagi pemboleh ubah tersebut dalam penggunaan saluran komunikasi terhadap kualiti hidup masyarakat Orang Ulu di Sarawak.

Bagi mengenal pasti kualiti hidup responden di kawasan kajian, soalan Skala Likert dan ratio digunakan berdasarkan 10 komponen kualiti hidup yang telah digariskan di dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004). Komponen yang dipilih adalah sesuai dengan keadaan kawasan kajian seperti pendapatan dan pengagihan, kesihatan, pendidikan, kehidupan keluarga, persekitaran pekerjaan, perumahan, alam sekitar, pengangkutan dan perhubungan, penyertaan sosial dan keselamatan awam yang diadaptasi daripada kajian Azahan (2006) dan Sulaiman et al. (2011).

Indikator yang dipilih sebagai pemboleh ubah kawalan terhadap hubungan saluran komunikasi dan kualiti hidup responden ialah peranan komuniti dalam bentuk soalan skala Likert. Sebanyak 15 soalan mengenai peranan komuniti dalam kehidupan responden disenaraikan berdasarkan kajian Mohd Shalahuddin et al. (2006) dan Mohd Yusof et al. (2011).

Kualiti Hidup

Dunia di era digital kini lebih meletakkan nilai kualiti hidup sebagai satu dasar yang bersifat kepuasan peribadi secara dalaman yang lahir dari hati dan memberi seseorang keseronokan, kebahagiaan serta makna yang lebih tersirat dalam kehidupannya (Siti Fatimah, 2005; Renwick, 2006). Menurut Mohd Shaladdin, Wan Abdul Aziz dan Nik Wan Omar (2006) kualiti hidup pada hakikatnya merupakan kejayaan yang diperolehi hasil usaha untuk mengatasi masalah yang akhirnya membuahkan persekitaran kehidupan yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi di dalam sesebuah kehidupan harian masyarakat.

Dengan kata lain, kualiti hidup kini bersifat material yang dimiliki serta amalan kehidupan yang dipertontonkan oleh individu yang dinilai kepada masyarakat. Berdasarkan kenyataan Unit Perancang Ekonomi (1999), kualiti hidup dinilai ke atas

perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan sistem sosial harian yang menunjukkan keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya.

Unit Perancang Ekonomi (2002), Malaysia telah menggariskan sifat kualiti hidup bagi individu dalam aspek kehidupan yang merujuk kepada perubahan kemajuan yang dimiliki, tahap kesihatan, kepuasan dalam apa yang dilakukan dan telah menikmati kebebasan pengetahuan dan taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan kesejahteraan psikologi individu dalam masyarakat. Oleh yang demikian, kualiti hidup juga merujuk kepada peringkat kesejahteraan dan keselesaan seseorang itu dalam kehidupannya terutamanya berkaitan pemakanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, nilai estetika dan sebagainya yang menunjukkan perubahan untuk menjadi bertambah baik (Burnel dan Galster, 1992).

Selain itu kualiti hidup masyarakat kini dipengaruhi oleh faktor atribut individu, perubahan sosial dan struktur komuniti secara menyeluruh (Pollnac, Pameroy & Harkes, 2001; Binkley, 2002; Gatewood & Steed, 1990). Menurut Li (2006), penentu tahap kualiti hidup di China dinilai berdasarkan lima indikator yang utama iaitu kesihatan, keluarga, hubungan sosial, pekerjaan dan alam sekitar. Seterusnya, pemboleh ubah yang dikenal pasti sebagai sebagai peramal dan ukuran kepada kualiti hidup ialah pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan, jaringan komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial (Polnac et al., 2001; Norizan, 2003). Dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (2004), telah menggariskan sepuluh komponen yang perlu dijadikan ukuran kualiti hidup iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam dan budaya dan masa lapang.

Komunikasi antara perseorangan

Komunikasi antara perseorangan berlaku apabila terdapat interaksi dua hala dengan orang lain yang terjadi untuk saling mempengaruhi di antara satu sama lain atau bertukar maklumat untuk hubungan (Beebe, Beebe & Redmond, 1999). Menurut Adler, Rosenfeld dan Towne (1999), mendefinisikan komunikasi antara perseorangan adalah proses pemindahan maklumat yang berterusan serta melibatkan dua sumber komunikator daripada persekitaran yang sama ataupun berbeza bagi tujuan pertukaran mesej yang bersifat luaran, fisiologi dan psikologi.

Pada asasnya komunikasi antara perseorangan juga dikenali sebagai komunikasi bersemuka atau komunikasi antara individu yang berbual secara langsung. Komunikasi antara perseorangan ini merupakan proses berkomunikasi secara bermuka individu tanpa menggunakan sebarang saluran perantaraan atau medium yang kompleks dan juga berperingkat di dalam organisasi yang melibatkan dua atau beberapa orang bertemu. Merujuk kepada Mohd Safiee et al. (2008), komunikasi antara perseorangan melibatkan pengirim dan penerima maklumat komunikasi yang menggunakan lebih dari satu pancainderanya untuk mesej dan bertindak balas terhadap mesej yang dihasilkan secara pantas, rancak dan segera (Mansor, Ramli & Shawaluddin, 1984). Komunikasi antara perseorangan dalam kata lain amat penting untuk menyelesaikan permasalahan, konflik, berkongsi maklumat, membetulkan persepsi diri atau memenuhi keperluan sosial semasa yang berlaku (Pearson & Nelson, 2000).

Menurut Djojomartono dan Pertiwi (1998) peranan yang dimainkan oleh agen pengembangan, rakan-rakan, saudara dan pemimpin kampung dalam penyebaran maklumat pertanian tidak boleh dinafikan Menurut Md Salleh et al. (2011), keberkesanan komunikasi antara perseorangan dalam konteks pengembangan

pertanian masih diperlukan dan dipercayai di kalangan petani berbanding media massa untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pertanian.

Saluran komunikasi yang biasanya digunakan di luar bandar ialah komunikasi bersemuka di mana penduduk luar bandar atau pengunjung akan bergerak masuk dan keluar dari kawasan mereka sebagai satu cara untuk mendapat maklumat (Bala et al., 2000). Sumber utama maklumat bagi komuniti luar bandar ialah melalui saudara, Ketua Kampung, wakil politik tempatan, Pastor, Guru, Pegawai Kerajaan dan pegawai yang datang melawat (Gnaniah et al., 2004).

Menurut Rees (2000), golongan petani memang mengakui pentingnya agen pengembangan walaupun mereka tidak berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan dan kekerapan berinteraksi dengan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Opara (2008), mendedahkan bahawa agen pengembangan merupakan sumber utama untuk mendapat maklumat pertanian di kalangan petani. Selain itu, pemimpin masyarakat juga adalah merupakan sumber maklumat pertanian di kalangan petani. Ini adalah kerana agen pengembangan merupakan orang terkenal di kalangan petani serta mempunyai hubungan yang rapat dengan petani, manakala pemimpin masyarakat adalah orang yang berpengaruh. Kawan-kawan, saudara, dan jiran-jiran juga menjadi sumber maklumat kepada petani untuk mendapat maklumat pertanian yang diperlukan (Okwu & Daudu, 2011; Lwoga, Stilwell & Ngulube, 2011; Ogbama, 2010; Daudu, Chado & Igbashal, 2009).

Media Cetak

Di Malaysia, terdapat 50 jenis akhbar harian dan ini menunjukkan masyarakatnya mempunyai banyak pilihan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan. Sebanyak 26% daripada akhbar dalam Bahasa Melayu, 32% dalam Bahasa Inggeris, 36% dalam Bahasa Cina dan 6% dalam Bahasa Tamil (Media Planning Guide, 2009). Akhbar tersebut terbahagi dalam tiga akhbar bahasa utama berdasarkan kedudukan tertinggi iaitu Harian Metro (Melayu), The Star (Bahasa Inggeris), Sin Chew Daily (Cina) dan Tamil Nesan (Tamil) (Nielsen Media Index, 2009).

Surat khabar mempunyai kelebihan sendiri untuk menyebarkan maklumat pertanian kepada umum. Menurut Akpobio, Makanjuola dan Udoma (2006), surat khabar mempunyai peranan dalam memperkasakan pembangunan luar bandar dan industri pertanian. Ini dapat dilakukan jika maklumat pertanian dapat disebarkan dengan kerap melalui surat khabar. Gabungan media cetak dan media elektronik mempunyai impak yang besar ke atas jumlah maklumat pertanian yang dapat disebarkan (Rogers, 2004). Menurut Salawu dan Abubakar (2008), mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah lebih sukar untuk menggunakan media massa. Mereka mengambil contoh penggunaan surat khabar di mana yang buta huruf pastinya sukar untuk membaca informasi pertanian yang terkandung dalam surat khabar.

Umumnya, peningkatan dalam penerbitan majalah di Malaysia terutamanya dalam bahasa Melayu dikatakan memainkan peranan dalam pembentukan budaya kehidupan pembacanya Hamedi Mohd Adnan (2002). Berbeza dengan akhbar, peranan majalah di dalam masyarakat Malaysia telah membentuk aliran pemikiran dan serta membantu mengubah cara hidup masyarakat dari masa ke semasa kerana pengaruh pengiklanan. Sebelum wujudnya, media massa yang lain para pengiklan menggunakan majalah untuk mengiklankan produk atau perkhidmatan mereka kepada para pengguna. Di Malaysia, peranan majalah berubah mengikut perkembangan semasa. Menurut Hamedi Mohd Adnan (2003), yang mengkaji mengenai kegiatan dan perkembangan majalah Melayu di Tanah Melayu banyak berkisarkan kepada isu

berkaitan eksploitasi agama dan perjuangan kebangsaan menjadi agenda penting perkembangan awal penerbitan majalah di negara ini.

Media Elektronik

Perkhidmatan televisyen di Malaysia bermula pada 28 Disember 1968. Stesen televisyen yang pertama di Malaysia yang dimiliki oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada masa itu dikendalikan Rangkaian Satu dan Rangkaian Dua pada tahun 1969. Pada masa ini, terdapat tiga buah stesen televisyen utama di Malaysia. Stesen yang dimiliki oleh kerajaan ialah RTM dan dua buah syarikat swasta yang mempunyai beratus-ratus saluran televisyen yang di bawah naungan Media Prima dan ASTRO. Antara saluran televisyen yang terkenal yang dijalankan oleh kedua-dua syarikat swasta ini ialah TV3, TV8, NTV7, TV9, Astro Prima, Astro Warna, Astro Arena dan Astro Ceria (Md Salleh et al., 2011).

Televisyen menjadi pilihan kepada agen pengembangan dalam usaha mereka menyampaikan maklumat kepada para petani. Menurut Irfan, Muhammad dan Asif (2006) dari segi keberkesanan menyampaikan maklumat pertanian, golongan petani memilih televisyen sebagai media massa yang paling berkesan. Ini diikuti radio dan media cetak seperti surat khabar dan majalah. Bagi keperluan maklumat pula, petani memerlukan televisyen untuk mendapatkan maklumat berkaitan cuaca, mencari maklumat berkenaan TMK dan maklumat pasaran pertanian (Md Salleh, Musa, Bahaman, Narimah & Hayrol, 2008). Melalui televisyen, mereka boleh melakukan demonstrasi dan juga memberikan penerangan.

Radio adalah salah satu alat yang paling pantas dan mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi di kebanyakan negara. Informasi melalui radio boleh didengari oleh semua bangsa dan budaya yang memahaminya. Kelebihan penggunaan program radio ialah ia boleh disiarkan hampir di mana sahaja. Radio sangat berguna untuk melaporkan berita seperti pengumuman skim pinjaman pertanian, medium bagi kempen galakan dan promosi serta menghebahkan teknologi pertanian yang baru (Azimi & Hayrol, 2008). Menurut Chapman, Blench, Kranjac dan Zakariah (2003) saluran radio di kawasan luar bandar boleh digunakan untuk berkongsi maklumat pertanian serta penyertaan yang berlipat ganda oleh orang ramai sekiranya rancangan dilangsungkan dalam bahasa ataupun dialek tempatan.

Media Baru

Kemunculan dan penyediaan media baru seperti internet telah mengubah trend pencarian maklumat kerana segalanya bersifat digital di alam maya dan boleh dilayari secara meluas berbanding media massa konservatif. Namun dengan transformasi alatan komunikasi seperti telefon bimbit dan komputer membolehnya dikategorikan sebagai media baru. Menurut van Dijk (2006), dalam Siti Ezaleile dan Azizah, (2011), media baharu kini telah menjadi pilihan generasi muda berbanding dengan media tradisional. Kewujudan media baru ini juga telah menyaksikan perubahan dalam kumpulan masyarakat yang dulunya dikaitkan dengan pengaruh media massa tetapi kini semakin hilang kerana gelombang yang dialami oleh struktur masyarakat akibat daripada komunikasi media baru.

Melalui media baru yang bersifat interaktif atau multimedia yang tidak menghadapi sebarang sekatan ke atas transmisi yang melangkaui jarak dan waktu. Media juga mengandaikan pengguna bergerak aktif dalam komunikasi berbanding media lama seperti radio dan televisyen. Internet dianggap sebagai media baru atau sistem media baru yang menyeluruh yang memberi alternatif kepada penggunaanya

untuk memilih sumber yang sesuai atau mengikut pandangan dan kepercayaan mereka terhadap maklumat yang diterima. Contoh media baru yang lain adalah seperti penyiaran audio dan video digital serta kandungan CDROM (Noor Bathi, 2002).

Penggunaan media baru semakin banyak digunakan baik dalam pendidikan, pekerjaan, kesihatan, perniagaan dan sebagainya. Akibat daripada penggunaan teknologi ini di sekolah telah mendorong memudahkan pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan mutu pendidikan (Noraein Mansor, 1999). Penambahbaikan kemudahan dalam media baru serta latihan yang baik melalui pendidikan telah membantu mengurangkan jurang digital antara kaum (Rosidayu Sabran, 2006). Penggunaan media baru dalam pengajaran di sekolah dan institusi pengajian tinggi dilihat telah memberi kesan positif serta membantu meningkatkan kefahaman dan prestasi kerja, pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya memberi kebaikan kepada kualiti hidup penggunaannya (Ahmad Bakeri, 2003).

Perkembangan media baru menunjukkan penerimaan yang menggalakkan di Malaysia terutamanya telefon bimbit pintar yang melibatkan jenama Apple, Samsung, Sony Ericsson, Xperia, Nokia, Blackberry (Nazrul Azim, 2011). Penggunaan telefon pintar dilihat sebagai satu alat perhubungan yang mesti dimiliki oleh masyarakat Malaysia tidak kira di bandar mahupun luar bandar berbanding dengan dua dekad lalu hanya digunakan oleh ahli korporat dan ahli perniagaan sahaja. Perubahan kepada ciri gajet ini di pasaran telah diinovasi dalam bentuk serba guna yang telah diadaptasi sesuai dengan program komunikasi kini serta memenuhi pelbagai keperluan termasuk hiburan. Keupayaan media ini untuk menerima secara pelbagai maklumat serentak melalui gajet ini kerana dilengkapi dengan perisian seperti Microsoft Office dan Portable Document Format (PDF) reader telah mencetus perubahan kepada penggunaan telefon pintar kini (Bernama, 2011).

Dalam era moden kini, internet sememangnya penting bagi pembangunan pertanian terutama untuk proses penyebaran maklumat pertanian. Secara umumnya, statistik terbaru disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi Malaysia dan Multimedia Malaysia (SKMM), telah mengesahkan bahawa penggunaan Internet di kalangan masyarakat luar bandar terutamanya golongan petani masih di tahap yang rendah. Hayrol, Md Salleh dan Bahaman (2009) dalam kajian mereka telah membuktikan bahawa tahap penggunaan laman web berasaskan pertanian dalam kalangan komuniti petani adalah amat tidak menggalakkan. Berdasarkan beberapa kajian lepas, tahap penggunaan TMK masyarakat luar bandar tidak memberangsangkan jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kawasan bandar (Samuel, Marlien & Jacob, 2005). Tahap penggunaan TMK yang berbeza ini seakan memberikan penduduk bandar satu kelas yang berbeza dengan penduduk luar bandar.

Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan oleh kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat di luar bandar dijangka meningkat peratusannya daripada tahun ke tahun. Ini dapat dilihat dengan jelas baru-baru ini usaha kerajaan apabila melalui *National Broadband Initiatives* (NBI) telah dilancarkan. NBI mempunyai objektif utama iaitu semua orang telah mempunyai jalur lebar sendiri. Pada tahun 2010, ia dijangka bahawa separuh isi rumah Malaysia mempunyai perkhidmatan jalur lebar masing-masing. NBI bukan setakat projek TMK yang diadakan oleh kerajaan seperti Pusat Komuniti Jalur Lebar, PID (*Rural Internet Center*) dan MID (*Rural Information Center*) telah terbukti berjaya memupuk budaya TMK di kalangan penduduk luar bandar (Md Salleh et al., 2011).

Walaupun dunia hari ini telah berubah dari segi teknologi maklumat konvensional termasuk yang berkaitan akhbar, televisyen dan radio yang dulunya telah menjadi agen utama dalam penyebaran berita masyarakat. Kemajuan dalam sistem satelit

telah memberi perkembangan baru kepada Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) yang telah membuka ruang kepada jaringan internet untuk menjadi media alternatif sebagai pengganti sistem maklumat arus perdana seperti televisyen dan radio. Penggunaan saluran internet atau laman sesawang *World Wide Web* (www) yang ditawarkan dalam alam digital komputer telah membawa implikasi yang besar dalam perkembangan dunia komunikasi malah di klasifikasi mengubah media baru dengan lebih cepat dan mesra pengguna (NurAzween & Nidzam, 2008).

Kewujudan ruang *chat*, forum dan blog dalam masa yang sama telah mengurangkan komunikasi interpersonal di kalangan khalayak seterusnya mewujudkan masyarakat maya atau alam siber yang lebih terbuka dan berpengetahuan. Malah, masa dan ruang serta batas sempadan sesebuah negara turut menjadi tidak relevan sejajar dengan pemerksaan TMK. Menerusi aspek teknologi, medium ini dapat memperkasa ruang penyertaan, memanjangkan interaksi melampaui sempadan negara dalam sekelip mata, meningkat kebebasan, malah boleh bertindak sebagai *platform* menyekat hegemoni yang selama ini dipraktikkan oleh penguasa atau elit pemerintah menerusi media aliran perdana seperti televisyen, radio dan surat khabar (NurAzween & Nidzam, 2008; Atkinson & Castro, 2008).

PERANAN DAN PENGARUH MEDIA MASSA

Pada masa kini, media massa semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat kerana telah memainkan banyak peranan penting. Dengan menggunakan media komunikasi, anggota masyarakat dapat diberitahu dan disedarkan banyak perkara seperti wabak penyakit, bencana alam, hari penting keagamaan, kegiatan politik dan sebagainya. Di samping itu, media komunikasi juga dapat membekalkan maklumat yang sesuai untuk memotivasikan individu, keluarga dan masyarakat (Musa Abu Hassan, 2002).

Selain itu, pengaruh media massa terhadap masyarakat pada masa kini amat ketara terutamanya dalam bidang pertanian. Melalui laman web ini, mereka lebih senang mengikuti perkembangan yang lebih menekankan keada isu dalam sektor pertanian sesuai dengan kemahiran, masa, waktu dan lokasi geografi mereka. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Fahmi (2005), mendapati perkhidmatan Internet yang paling banyak digunakan oleh Pegawai Pertanian adalah penggunaan e-mel diikuti penggunaan pemindahan fail dan melayari Internet untuk mendapatkan maklumat.

Dipercayai bahawa sumber maklumat telah berjaya mengubah idea dan fahaman ideologi petani terutama di luar bandar. Ini amat berkesan apabila kekerapan penggunaan komunikasi perseorangan, media cetak dan media elektronik berupaya menyalurkan maklumat penting dan menyumbang kepada pembangunan pertanian agar sifat keusahawanan dapat diterapkan. Menurut Ahmad Mustapha (1983), saluran komunikasi interpersonal jelas banyak membantu dan digunakan oleh petani untuk mendapat maklumat pertanian untuk tujuan rujukan.

Selain daripada komunikasi interpersonal, antara sumber maklumat yang penting dan sesuai digunakan oleh petani untuk meningkatkan kemahiran mereka adalah seperti televisyen, radio, Internet, artikel majalah dan surat khabar terutamanya bagi negara yang besar seperti di Amerika Syarikat. Berdasarkan maklum balas petani, saluran maklumat yang penting dapat memberi manfaat kepada mereka adalah seperti artikel majalah, keluarga, kawan, jiran, surat khabar, buletin dan brosur selain lawatan di ladang dan mesyuarat (Maddox, Mustian, Jenkin, 2003). Media cetak

merupakan saluran maklumat yang banyak digunakan seperti surat khabar pertanian dan surat khabar di Michigan (Suvedi, Campo & Lapinki, 1999).

Peranan saluran komunikasi antara perseorangan adalah untuk menyampaikan maklumat dan mesej untuk mengubah sikap serta mengajar kemahiran untuk menambahkan kredibiliti kandungan media (Coldevin, 1987). Kaedah penyebaran maklumat menggunakan radio sangat sesuai untuk menyampaikan mesej yang ringkas, mudah dan cepat kepada orang ramai yang bertaburan. Bagi media cetak seperti poster dan risalah, kedua-duanya masih penting sebagai kesinambungan terhadap mesej yang disiarkan menggunakan radio (Chapman et al., 2003).


Kajian ini memberi fokus untuk memahami kualiti hidup komuniti Orang Ulu terutamanya hubungan dengan penggunaan saluran komunikasi sebagai perbandingan dengan kebanyakan kajian yang lebih merujuk kepada kualiti hidup di bandar. Keputusan kajian ini memberi informasi sebenar tentang peranan komuniti dalam hubungan saluran komunikasi dengan kualiti hidup di kalangan Orang Ulu di Sarawak. Oleh itu, pihak yang berkaitan dapat memahami dan mengetahui serta dapat merangka strategi yang sesuai untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada golongan ini dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

RANGKA KONSEP KAJIAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kerangka konsep sorotan karya tempatan dan luar negara telah dikenal pasti bagi pemboleh ubah bebas bagi saluran komunikasi antara perseorangan (Djojomartono & Pertiwi 1998; Md Salleh et al., 2011; Okwu & Daudu 2011), saluran komunikasi media cetak (Akpobio et al., 2006; Salawu & Abu Bakar, 2008), saluran komunikasi media elektronik (Irfan et al., 2006; Md Salleh, 2008; Azimi & Hayrol, 2008; Hayrol et al., 2009), saluran komunikasi media baru (van Djik, 2006; Siti Ezaleile & Azizah, 2011;), dan juga pemboleh ubah bergantung (Sulaiman et al., 2011; Azahan Awang, 2006; Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2004; Azizah, 2013; William, 2013). Bagi pemboleh ubah kawalan pula peranan komuniti (Mohd Shalahuddin et al., 2006; Mohd Yusof et al., 2011).

Merujuk kepada kerangka konseptual kajian (Rajah 1), hipotesis kajian ini adalah kualiti hidup dipengaruhi oleh saluran komunikasi antara perseorangan, media cetak, media elektronik dan media baru. Manakala peranan komuniti dipercayai akan memainkan peranan dalam menentukan penerimaan saluran komunikasi yakni sebagai pemboleh ubah kawalan yang akan mengubah kualiti hidup masyarakat Orang Ulu.

Penilaian kualiti hidup masyarakat yang diambil kira pula meliputi keselesaan kebendaan (rumah, jalan raya, kenderaan, utiliti, telefon, radio dan televisyen), kehidupan peribadi (kesihatan, rasa dihormati, impian dan nilai, kewangan, kerjaya, pendidikan dan kreativiti), kehidupan kekeluargaan (anak, sanak saudara, jiran, masyarakat, kasih sayang, permainan dan kebudayaan) dan hak kemanusiaan (keagamaan, politik, keselamatan dan kesamaan jantina). Hasil atau keputusan kajian berkenaan penilaian kepuasan kehidupan yang direkodkan berdasarkan Skala Likert akan menunjukkan kesan faktor penggunaan saluran komunikasi terhadap tahap kualiti hidup masyarakat yang dikaji.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

KESIMPULAN

Diharap kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan dalam membentuk instrumen yang berkaitan saluran komunikasi dan kualiti hidup masyarakat luar bandar yang dikaji. Instrumen yang direka adalah mengikuti komponen yang asas dalam kajian demografi penduduk dan komponen penting dalam kualiti hidup masyarakat yang dikaji dan telah diadaptasi sesuai dengan budaya, norma dan amalan hidup kumpulan sasaran kajian.

RUJUKAN

- Ahmad Bakeri Abu Bakar. (2003). *Narrowing the digital divide: The ASEAN approach, building a knowledge society: Value creation through people, knowledge and ICT*. Kumpulan kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat, 21–22 Oktober, 2003, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Akpobio, I., Makanjuola, S., and Udoma, G. (2006). Report of agricultural news in the pioneer newspaper (2004-ad) Nigeria. *International Journal of Agriculture and Biology*, 8: 406–409.
- Atkinson, R. D., and Castro, D. D. (2008). *Digital quality of life: Understanding the personal and social benefit of the information technology revolution*. New York: Washington.
- Azimi, H., dan Hayrol Azril, M. S. (2009). Sejarah, prinsip dan keperluan pengembangan pertanian. Dalam Bahaman Abu Samah, Jegak Uli dan Khadijah Alavi (Eds.). *Media pengembangan pertanian ke arah memperkasakan komuniti luar bandar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Bala, P., Khoo, G. L., Songan, P., and Harris, R. (2000). Potential users profile and existing communication pattern among the rural community of Bario: A needs

- analysis for the development of a telecentre. In M. Leigh (Ed.), *Borneo 2000: Politics, history & development* (pp. 626–647). Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia: Universiti Malaysia Sarawak.
- Beebe, S. A., Beebe, S. J., and Redmond, M. V. (1999). *Interpersonal communication: Relating to others*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chapman, R., Blench, R., Kranjac-Berisavljevic', G., and Zakariah, A. B. T. (2003). *Rural radio in agricultural extension: The example of vernacular radio programs on soil and water conservation in N. Ghana*. Agricultural Research and Extension Network No. 127. London: Overseas Development Institute.
- Daudu, S., Chado, S. S., and Igbashal, A. A. (2009). Agriculture information sources utilized by farmers in Bunue State, Nigeria. *Journal Patsunk*, 5, 39–48.
- Djojmartono, M., and Pertiwi, S. (1998). *Present status of information technology utilization in Indonesian agriculture*. Bogor Agricultural University.
- Gnaniah, J., Songan, P., Yeo, A., Zen, H., and Ab Hamid, K. (2006). *Communication patterns of the Long Bedian community: Implications for the development of a telecentre work with computing systems 2004*. H.M. Khalid, M.G. Helander, A.W. Yeo (Eds.). Kuala Lumpur: Damai Sciences.
- Hamedi, M. A. (2002). *Direktori majalah-majalah Melayu sebelum merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hayrol Azril, M. S., Md. Salleh, H., and Bahaman, A. S. (2009). Level of agro-based website surfing among Malaysian Agricultural Entrepreneurs: A case of Malaysia. *Journal of Agriculture Extension and Social Science*, 5, 55–60.
- Irfan, M., Muhammad, S., Ali Khan, G., and Asif, M. (2006). Role of mass media in the dissemination of agricultural technologies among farmers. *International Journal of Agriculture and Biology*, 8, 417–419.
- Lwoga, E. T., Stilwell, C., and Ngulube, N. (2011). Access and use of agricultural information and knowledge in Tanzania. *Journal Agriculture Knowledge Information*, 60: 383–395.
- Mohd Safiee, I., Ashari, S., Siti Zahara, M. A., Mohd Zaid, M., Ahmad Rizal, M., dan Latifah, M. A. (2008). *Komunikasi interpersonal dalam pengajaran di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik di Melaka*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, 22–23 Oktober 2008.
- Md Salleh, H., Musa, A. H., Bahaman, A. S., Narimah, I., and Hayrol Azril, M. S., (2008). *Use of internet among agri-based entrepreneurs in Peninsular Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference Cum SEARCA Alumni Homecoming. Los Banos, Filipina.
- Md Salleh, H., Sulaiman, M. Y., Hayrol Azril., M. S., Mohd Shahwahid, O., Bahaman, A. S., Asnarulkhadi, A. S., and Siti, A. R. (2011). Receiving the agriculture information through mass media and interpersonal sources among the rural community. *American Journal of Agricultural and Biological Sciences*, 6(3), 451–461.
- Mansor, A. S., Ramli, M., dan Shawaluddin, A. (1984). *Penghantar komunikasi*. Pulau Pinang: Noor Bathi Badaruddin. (2002). *Dunia media baru*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Nazrul Azim, S. (2011). *10 telefon bimbit popular di Malaysia*. Kedapatan Dari :http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0808&pub=Utusan_Malaysia&sec=Megabait&pg=me_04.htm#ixzz2h5bNI9Qt. Akses pada 8 Oktober 2013.

- Noor Bathi Badaruddin. (2002). *Dunia media baru*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Noraïen Mansor. (1999). *Tahap pengetahuan dan penggunaan internet dalam mencari maklumat di kalangan pelajar Tingkatan 4 di Sekolah-Sekolah Menengah di Kuantan*. Unpublished Tesis Master's, Universiti Putra Malaysia.
- NurAzween Zakaria., dan Nidzam Sulaiman. (2008). Media alternatif sebagai agen perluasan ruang bersuara: kajian kes pilihanraya umum ke-12. Dalam *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Worrnan Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Abdul Kadir Rosline. (Editor). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 2008.
- Pearson, J. C., and Nelson, P. E. (2000). "An introduction to human communication understanding dan sharing". (8th Ed.). Amerika Syarikat: McGraw-Hill Higher Education.
- Rees, D. (2000). *Agriculture knowledge and information systems in Kenya: Implications for technology dissemination and development*. (1st Ed.). Overseas Development Institute, London.
- Rogers, E. M. (2004). *Diffusion of innovations* (5th Ed.). New York: Free Press.
- Rosidayu Sabran. (2006). *Kepentingan audit komunikasi*. Kertaskerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-3 anjuran Universiti Utara Malaysia, 16–18 Jun, di The Gurney Resort Hotel and Residence, Pulau Pinang. Jun 2006.
- Okwu, O. J., and Daudu, S. (2011). Extension communication channels' usage and preference by farmers in Bunue State Nigeria. *Journal Agriculture Extension Rural Development*, 3, 88–94.
- Ogbama, M. U. (2010). *Access to agriculture information among fish farmers in Niger Delta region of Nigeria*. University of Nebraska Lincon.
- Salawu, J. A., and Abu bakar, T. B. (2008). *Introduction to Agricultural Extension and Rural Sosiology*. National Open University of Nigeria Publisher. Negeria.
- Samuel, O. A., Marlien, E. H., and Jacob, S. J. (2005). ICT provision to disadvantaged urban communities: A study in South Africa and Nigeria. *International Journal of Education and Development Using ICT*, 1(3), 19–41.
- Siti Ezaleila, M., dan Azizah, H. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93–110.
- Van Djik, J. (2006). *The network society: social aspects of new media*. (2nd Ed.). London: Sage.